

# Terima gangguan sebagai cabaran

SEMASA melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi begitu beriya mahukan setiap projek dibawah rancangan pelan nasional itu berjalan lancar. Beliau menekankan agar semua agensi kerajaan memastikan segala projek berjalan mengikut jadual. Serentak itu juga projek yang tertangguh di bawah RMK 8 diteruskan.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan itu segala jentera kerajaan di semua peringkat perlu menubuhkan agensi pemantau sendiri yang akan bertindak menjadi badan penguatkuasa kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing. Rakyat pula diberikan kesedaran dan suntikan semangat untuk bergerak serentak dengan kerajaan menjayakan RMK-9. Bagi Abdullah RMK-9 sangat penting kerana ia bukan saja misi nasional, (agenda negara) tetapi misi dan visi peribadinya selaku Perdana Menteri kelima.

RMK-9 adalah menjadi kayu ukur sejauh manakah keberkesanan kepimpinan yang berkonsepkan *Islam Hadhari* yang dipopularkam itu. Segala projek pembangunan untuk rakyat yang digarapkan juga akan menjelaskan sejauh mana obsesi Abdullah kepada rakyat. Sekiranya rancangan itu gagal, maka kegagalan itu akan dipulangkan kepada Abdullah selaku perdana menteri. Sebab itulah beliau meletakkan RMK-9 sangat penting.

Bagaimana pun dalam kerancakan Abdullah bersama kerajaan menggerakkan RMK-9 ia seperti sedikit terganggu apabila bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tiba-tiba seperti terbangkit dari sebuah mimpi membuat kritikan demi kritikan terbuka terhadapnya. Cara Mahathir semacam mahu melepaskan suatu dendam yang lama tersumbat di dada.

Baru dua tahun setengah menjadi pemimpin nombor satu negara Abdullah telah menerima kritikan daripada orang yang menjadi mentornya sendiri. Cara Mahathir mengkritik itu menunjukkan ada sesuatu yang sangat tidak kena kepada Abdullah.

Apapun kepada Abdullah beliau harus menelan kritikan itu dan menjadikan ia sebagai cabaran besar baginya. Kritikan Mahathir yang kadangkadangkang tersasau dari minda dan adat tradisional itu hendaknya dijadikan semangat untuk melawan segala kelemahan dan kekurangan yang wujud. Selaku pemimpin beliau tidak perlu merasa lemah. Anggaphlah ia perkara biasa yang harus diterima oleh seorang bergelar pemimpin. Mahathir juga selama 22 tahun menjadi ketua negara dikritik kiri dan kanan. Namun beliau tidak peduli dan segala kritikan itu dihadapi dengan tenang dan setengahnya tidak dipedulikannya langsung.

Dalam hal ini yang penting ialah ikhlas, jujur dan telus. Orang boleh mengatakan apa saja kepada kita. Tapi kalau kita ikhlas dan senantiasa menyedari dan menginsafi siapa kita sebenarnya (hamba Allah), di hujung nanti kita akan tetap juga menang. Kecualilah di dalam kemelut hari ini Abdullah berada di pihak salah maka beliau wajar menerima hukumannya!